JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN
MAJLIS PERBANDARAN KULIM
KEDAH DARUL AMAN

SYARAT-SYARAT / GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN TRED & PERNIAGAAN KHAS MAJLIS PERBANDARAN KULIM.

1. **Syarat am**
   - 1.1 Lesen hendaklah di pamerkan pada setiap masa di tempat yang mudah dilihat.
   - 1.2 Lesen tidak boleh dipindah milik.
   - 1.3 Kebersihan premis hendaklah dijaga setiap masa.
   - 1.4 Setiap lesen yang dikeluarkan boleh dibatalkan pada bila-bila masa jika melanggar mana-mana peruntukan undang-undang termasuk Undang-Undang Kecil Majlis.
   - 1.5 Pemberian maklumat palsu boleh menyebabkan lesen terbatal dengan sendirinya.
   - 1.6 Pemohon hendaklah memberi kerjasama kepada pegawai Majlis semasa pemeriksaan premis.

2. **Struktur Fizikal**
   - 2.1 Premis hendaklah di cat semula diluar dan dalam sekiranya perlu (arahan Majlis) untuk kelihatan kemas dan ceria. Kos di tanggung sendiri oleh pemohon.
   - 2.2 Perlu mengemukakan permit bangunan atau kelulusan pelan ubah suai bangunan daripada Jabatan Bangunan MPKK
     (jika bangunan adalah bangunan sementara dan terdapat pengubahsuaian bangunan dalam atau luar bangunan)

3. **Halangan**
   - 3.1 Dilarang membuat sebarang halangan atau meletak barangan jualan /benda-benda lain di kaki lima premis
   - 3.2 Dilarang membuat sebarang halangan dijalan susur/lorong belakang dan ditepi jalan.
   - 3.3 Halangan atau rintangan di pintu masuk / keluar tidak dibenarkan.
   - 3.4 Operasi perniagaan hendaklah dijalankan di dalam premis sahaja dan tidak dibenarkan dilakukan di luar premis atau di petak parkir.

4. **Keselamatan Pekerja**
   - 4.1 Sediakan peti ubat rawatan kecemasan dan hendaklah dilengkapkan dengan ubat-ubatan.
   - 4.2 Kelengkapan peralatan keselamatan pekerja yang mencukupi perlu disediakan

4.3 Mesin yang digunakan hendaklah mendapat kelulusan dan berdaftar dengan Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

5. Kemudahan Sanitari

5.1 Menyediakan tandas dan bilik air yang sempurna dan kebersihan perlu dijaga setiap masa.

6. Pembuangan dan pelupusan sampah sarap

6.1 Semua barang-barang yang tidak digunakan di tegah/tidak dibenarkan dilonggok di merata tempat tetapi hendaklah disusun dengan teratur atau dibuang.

6.2 Sisa pepejal hendaklah diuruskan sendiri oleh pengurusan kilang dengan kontraktor berdaftar.

6.3 Sediakan tong sampah yang sesuai dan bertudung.

7. Syarat-syarat am Jabatan Bomba

7.1 Sediakan Pemadam Api jenis Serbuk Kering ABC.

7.2 Alat pemadam api hendaklah di hantar ke Jabatan Bomba tiap-tiap tahun untuk diuji.

7.3 Semua alat pemadam api hendaklah digantung pada dinding satu (1) meter dari paras lantai dekat jalan-jalan keluar supaya mudah dilihat dan senang di capai.

7.4 Semua jalan-jalan keluar hendaklah bebas dari sebarang halangan dan rintangan.

7.5 Sediakan lampu kecemasan dan pencahayaan dalaman hendaklah sentiasa dalam keadaan baik.

8 Sistem perparitan yang sempurna perlu disediakan dan dijaga kebersihannya serta berfungsi

9 Sentiasa mematuhi syarat-syarat Jabatan Teknikal yang lain seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan-Jabatan yang terlibat mengikut jenis perniagaan yang akan dijalankan

10 Sentiasa mematuhi perkara-perkara yang terkandung di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-Undang Kecil yang diterima pakai oleh Majlis Perbandaran Kulim.

11 Pelesen hendaklah mematuhir arahan Pihak Majlis berkaitan program rasmi kerajaan seperti Sambutan Kemerdekaan dan Sambutan Ulangtahun Keputeraan Tuanku.

12 Sekiranya berlaku sebarang kacauganggu atau sebarang pelanggaran syarat yang gagal di kawal sendiri oleh pemohon, operasi perniagaan hendaklah di hentikan serta-merta oleh pemohon.